

20/02/1997

Latihan ala tentera terbaik

KERAJAAN disaran melaksanakan kerahan tenaga ala tentera kerana ia adalah latihan terbaik untuk mempertingkatkan mutu disiplin belia, terutama pelajar dalam usaha menangani gejala sosial yang semakin membimbangkan di negara ini.

Ketua Unit Kesatria Institut Teknologi Mara (ITM), Kapten Mohamad Awang, berkata asas disiplin ketenteraan perlu disemat dalam diri pelajar kerana ia mampu menjadikan pelajar lebih disiplin dan bertanggungjawab.

Menurutnya, disiplin dalam bidang ketenteraan amat ketat dan sesuai untuk membentuk seseorang pelajar menjadi lebih berhemah, cekal serta berani menghadapi cabaran.

"Saya yakin program kerahan tenaga yang dicadangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan lebih berjaya jika asas disiplin ketenteraan disemai dalam diri pelajar," katanya kepada Berita Harian ketika dihubungi di pejabatnya di Shah Alam, semalam.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai konsep yang paling baik untuk diserapkan dalam program kerahan tenaga bagi mengurangkan gejala sosial, khususnya di kalangan belia Melayu.

Menurut Dr Mahathir, cadangan itu adalah antara pandangan yang akan dikaji kerajaan selain menilai semula isi kandungan sistem pendidikan Islam di sekolah sebelum merangka program bersepadu untuk memerangi gejala berkenaan.

Mohamad berkata, latihan ketenteraan seperti kawad dan cara pemakaian yang diamalkan oleh anggota tentera memberi banyak kesan positif kepada belia untuk mempertingkatkan mutu disiplin masing-masing kerana ia memaksa pelajar bekerjasama antara satu sama lain.

"Saya yakin usaha kerajaan mewujudkan program kerahan tenaga amat bertepatan. Pihak ITM dan Kesatria juga berhasrat membabitkan diri secara aktif bagi membantu kerajaan mengurangkan gejala sosial di kalangan pelajar.

"Kita akan menghantar kertas kerja kepada Jabatan Perdana Menteri (JPM) untuk mengikuti secara sukarela sebarang program dan aktiviti belia yang akan dilaksanakan pada masa depan," katanya.

Sementara itu, jurucakap Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (Palapes) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), berkata kehidupan anggota tentera perlu dijadikan teladan kepada semua pihak, terutama golongan belia bagi mempertingkatkan disiplin dan tanggungjawab mereka.

"Kita dapati setiap pergerakan anggota tentera, terutama dari segi pemakaian menjadikan mereka sebagai insan yang berdisiplin. Oleh itu, saya mencadangkan supaya kerajaan memasukkan asas ketenteraan sebagai wadah utama dalam program kerahan tenaga yang akan dilaksanakan," katanya.

Menurutnya, asas ketenteraan bukan sahaja menjadi simbol kepada kekuatan sesebuah negara, malah ia dijadikan inspirasi kepada setiap ahli sukan di dunia untuk mempertingkatkan mutu disiplin mereka.

(END)